

Bab 6

Penutup

BAB 6

PENUTUP

6.1 Kesimpulan

Telah penulis tunjukkan dalam bab-bab terdahulu bagaimana pengajian tasawuf bermula, berkembang, dan seterusnya menjalar ke serata pelusuk Alam Melayu. Pengajian tasawuf pada zaman tradisional, selain mengambil tempat di masjid, surau, malah istana telah akhirnya, atas faktor semula jadi menumbuhkan sistem pondok, dayah, rangkang, langar, dan pesantren yang sistematik. Pengajian berteraskan kaedah mengajar dan menadah menggunakan kitab-kitab jawi karangan ulama tersohor di Alam Melayu, misalnya Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, dan Syeikh Daud al-Fatani.

Pengenalan pendidikan kebangsaan selepas merdeka sedikit sebanyak merencatkan sistem pendidikan tradisional. Namun kerencatan ini tidak pula mengganggu hingga terbantut perkembangannya. Ini kerana mereka yang berpelajaran kebangsaan akhirnya kembali menuntut di pusat-pusat pengajian tradisional untuk mendalami pengajian agama, khususnya tasawuf secara lebih mendalam.

Pengajian Islam, khususnya tasawuf kontemporari menggunakan kitab jawi sebagai teks utama pengajian. Walaupun dalam beberapa bidang seperti filateli, kitab

moden telah berjaya menembusi pusat pengajian tradisional kecuali pondok, namun dalam pengajian tasawuf kitab jawi bukan sahaja masih bertahan, bahkan terus mendominasi. Ini lantaran pelbagai faktor seperti yang telah disebutkan dalam **bab 5.3**.

Daripada kajian yang telah dijaikan satu rumusan telah berjaya dibuat. Rumusan yang juga peleraian masalah kajian ini ialah sistem pengajian tasawuf secara tradisional masih berterusan sama ada dari sudut sistem pengajian, bentuk pengajian, kurikulumnya, dan teks yang digunakan. Kitab jawi masih terus kekal digunakan sebagai teks pengajian yang unggul dan tidak tercabar.

Kajian juga telah meleraikan persoalan-persoalan yang menjadi tujuan kajian ini. Persoalan berkait dengan sejarah tasawuf di negeri Terengganu dan kitab-kitab yang popular pada masa itu telah dihuraikan dalam **bab 2**. Hasilnya jelas membuktikan perkembangan tasawuf di Terengganu terdiri daripada tasawuf Sunni. Sistem pengajian bermula dengan kaedah ringkas iaitu melalui sistem menadah dan mendengar tetapi kemudian –atas faktor natural- beransur menjadi sistem pondok. Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis) sebagai contoh amat terkenal ke seluruh pelusuk Alam Melayu hingga pengajiannya di Pulau Manis didatangi murid-murid dari serata Semenanjung, Riau, dan Sumatera.

Sistem pondok di Terengganu tidaklah bertahan lama kerana ia biasanya lenyap selepas kematian gurunya yang pertama. Hal ini dapat dilihat dari sejarah pondok-pondok atau institusi pengajian Syeikh Abdul Malik yang bermula di Pulau Manis kemudian berpindah ke Serengas, Beladau dan akhirnya ke Padang Melidin.

Perpindahan berlaku lantaran guru-guru selepas guru utama yang mengasaskan pondok tersebut meninggal dunia. Guru selepasnya, walaupun terdiri daripada keturunan beliau sendiri tidak pula mahu meneruskan pondok di tempat yang sama, bahkan memindahkannya ke tempat baru.

Perpindahan ini menunjukkan bahawa perkembangan pondok tidak dapat bertahan lama seperti di Kelantan, Aceh, atau Patani yang mana sesetengah pondok mampu bertahan hingga berpuluh malah beratus tahun. Perkara ini menjelaskan bahawa sistem pengajian tradisional Terengganu agak tidak sistematik atau bertahan lama. Namun ini tidak pula bererti tidak wujud sistem pengajian yang baik di sini. Sistem pengajian terbuka di masjid, surau, dan balaisah terus menjadi pilihan utama. Malah sesetengah pusat pengajian, seperti di surau (kemudiannya masjid) Tok Ku Paloh di Paloh, menyaksikan ratusan penuntut menuntut dengannya di sana. Begitu juga surau-surau lain. Lantaran itu tidak salah kiranya saya bersetuju dengan rumusan yang dibuat oleh Muhammad Abu Bakar (1991) bahawa sistem pengajian tradisional di Terengganu bersifat sistem terbuka seperti yang diamalkan di Masjid al-Haram¹.

Keadaan semasa pula memperlihatkan institusi yang menjadi pilihan sebagai pusat pengajian kekal sama. Institusi-institusi tersebut ialah surau, masjid, dan pondok. Tidak dapat tidak fenomena ini menunjukkan kepada kita bahawa sistem pengajian tradisional masih berjalan dan berterusan di Terengganu. Ini menjawab persoalan sama ada sistem yang diguna pakai dalam pengajian tasawuf tradisional kini adalah lanjutan tradisi ataupun tidak.

Menurut Shafie Abu Bakar, sistem pengajian tasawuf di Terengganu ditandai oleh dua kitab utama iaitu *Syarah Hikam* Tok Pulau Manis dan *Ma'ārij al-Lahfān* Tok Ku Paloh². Kajian ini sebaliknya telah membuktikan kitab *Ma'ārij al-Lahfān* langsung tidak disebut, apatah lagi digunakan sebagai teks pengajian. Antara faktor yang difikirkan menyumbang kepada ketidakwujudan penggunaan kitab tersebut ialah edaran kitab itu yang sehingga kini tidak pernah dicetak. Walau bagaimanapun kitab *Syarah Hikam* karya Tok Pulau Manis masih menjadi kitab yang paling popular di kalangan tenaga pengajar (tuk-tuk guru) ilmu tasawuf dan masyarakat awam yang menjadi pelajar di pusat-pusat pengajian terbabit ketika ini.

Selain daripada *Syarah Hikam*, kitab-kitab jawi lain seperti *Sayr al-Sālikīn* dan *Hidāyat al-Sālikīn* karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan *Minhāj al-'Ābidīn* terjemahan Syeikh Daud al-Fatani terus mendapat sambutan hangat. Kitab-kitab ini dipelajari dan digunakan dengan giat di kebanyakan pusat pengajian di samping mendapat kredit yang baik sama ada daripada guru mahupun pelajar.

Dengan itu persoalan sama ada pengajian tasawuf tradisional di Terengganu masih mengekalkan penggunaan kitab jawi ataupun tidak terjawab sudah. Kitab-kitab tersebut bukan sahaja masih digunakan secara meluas, bahkan mendapat tempat yang tinggi dalam sistem pengajian Islam tradisional di Terengganu.

Penggunaan kitab jawi disebabkan faktor-faktor tertentu. Menjawab persoalan mengapa kitab jawi masih digunakan kajian yang dijalankan menemui rumusan bahawa ia berkait dengan persepsi dan sikap para tuk guru.

Tuk-tuk guru berpendapat penggunaan sesebuah teks tersebut dipengaruhi oleh pengarang dan kepengarangannya. Yakni siapa pengarang itu dan mengapa dia menulis karangannya. Inilah menjadi faktor utama pemilihan kitab jawi seperti yang telah dijelaskan dalam **bab 5.3**.

Pertembungan pemikiran walau bagaimanapun tidak berlaku dalam pengajian tasawuf semasa. Semua pusat pengajian meneruskan tasawuf aliran Sunni dengan banyak penyesuaian daripada tasawuf falsafah. Namun pengaruh tasawuf falsafah tidak pula menyebabkan tasawuf Sunni “tenggelam” tetapi diperteguhkan olehnya (tasawuf falsafah) Maka dengan itu, seperti kata Muhammad Uthman el-Muhammadi, ilmu tasawuf tidak perlu kepada “pembersihan” akidah kerana ia mengikut jalan akidah *ahl al-Sunnah wa 'l-Jamā'ah*!³

Ilmu bertujuan memanfaatkan manusia. Ilmu yang tidak bermanfaat bukanlah ilmu yang sebenar. Manfaat ilmu dapat dilihat berdasarkan amalan dan pembentukan sahsiah para pelajarnya. Kajian ini telah menemukan bahawa walaupun pelajar dan guru berpendapat bahawa ilmu tasawuf dapat membentuk akhlak dan keperibadian mulia, namun amat sedikit daripada masyarakat termasuk pelajar sendiri mengamalkan ilmu yang diperoleh. Sahsiah mereka tidak dibentuk berdasarkan ilmu yang diperoleh.

Jika dalam abad ke 20 kita dapat lihat jiwa kental pejuang penentang kemasukan pengaruh asing ke dalam masyarakat Terengganu melalui ajaran tasawuf dan ratib yang diajar oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong, namun kini keperibadian tersebut makin kurang. Walaupun inti dan pengajarannya tetap sama,

penghayatan umat Islam sudah makin longgar terhadap ajaran Islam, khususnya tasawuf.

6.2 Rumusan

Daripada data, fakta, dan huraian yang telah dikemukakan maka akhirnya dapatlah kita rumuskan bahawa sesungguhnya *pengajian tasawuf di Terengganu masih lagi melanjutkan pengajian secara tradisional sama ada dari segi bentuk, sistem, tempat, mahupun kitab-kitab yang digunakan*. Jelaslah kepada kita bahawa sistem tradisional pengajian tasawuf di negeri itu tidak luput dek masa dan zaman.

Pengajian yang dijalankan secara sukarela itu memperlihatkan tanda-tanda sistem pengajian tradisional akan terus berlanjutan walaupun ia dicabar dengan hebat oleh sistem pendidikan moden. Namun ketidakupayaan sistem pendidikan moden memberikan pemahaman yang secara terperinci menyaksikan wujudnya ruang terbuka yang perlu diisi oleh satu sistem pendidikan lain demi menjadikan masyarakat Islam lebih kental penghayatan keislamannya. Dalam kes ini, sistem pengajian tradisional pengisi lompong tersebut.

Satu perkara yang tidak dapat ditolak dalam sistem pendidikan nasional sekarang ialah pendidikannya, termasuklah pendidikan agama terlalu berorientasikan peperiksaan. Pendidikan telah dibayangi dengan pelbagai sijil sehingga maksud asal pendidikan, yakni untuk mengenal Allah (S.W.T) terpinggir. Lantaran itu juga didapati sukatan pelajarannya, tidak menjurus kepada penghayatan ke arah *mardātillāh*. Maka dengan itu lompong kosong yang besar itu terpaksa diambil alih oleh pendidikan tradisional yang menekankan bukan sijil, tetapi ilmu.

Pendidikan tradisional tidak begitu menitikberatkan persoalan tempat, prasarana, dan keselesaan tetapi yang dititikberatkan ialah adakah pengajaran dan pembelajaran tersebut berjaya mencapai maksud yang mereka kehendaki.

Perubahan semasa walau bagaimanapun sedikit-sebanyak mempengaruhi pendidikan tradisional. Masyarakat semakin peka dengan perubahan semasa dan menginginkan kemudahan asas yang lebih baik di pusat-pusat pendidikan tradisional, terutama pondok. Keadaan inilah yang mendorong pihak-pihak tertentu di Terengganu, termasuk kerajaan negeri mewujudkan pusat-pusat pengajian Islam tradisional dengan iklim yang moden. Penubuhan “pondok moden” menjadi titik tanda kepada perubahan yang diinginkan masyarakat Islam sekarang. Melalui institusi ini, pondok-pondok yang didirikan lebih teratur dan selesa. Ia meliputi bilangan pelajar terhad di dalam setiap pondok, penjagaan kebersihan yang baik, kualiti makanan yang tinggi, dan prasarana seperti bekalan air dan elektrik yang sempurna.

Pondok moden yang wujud di Terengganu dinamakan Markas Pengajian Islam (MARPA) di Kemaman dan Markas Pengajian Islam Wanita (MARPANITA) di Kuala Berang. Kedua-duanya dikelolakan oleh Yayasan Islam Terengganu. Selain itu Madrasah Mazāhir al-‘Ulūm (MMU) dan Pondok dan Madrasah al-Huda di Marang diusahakan oleh individu yang ingin melihat pendidikan tradisional berlanjutan, tetapi dalam sistem dan iklim yang lebih baik, setanding dengan pendidikan moden.

Jelas sekali bahawa pengajian tradisional menjadi pilihan masyarakat sama ada secara terbuka (di masjid dan surau serta balaisah) mahupun secara sistematik dan khusus (pondok). Kedua-dua bentuk pengajian ini memainkan peranan penting dalam memberi input yang sempurna dalam pendidikan Islam, khususnya ilmu tasawuf di Terengganu.

6.3 Cadangan

Pendidikan tradisional seperti yang dihuraikan memainkan peranan penting dalam proses memberi kefahaman dan penghayatan Islam, khususnya ilmu tasawuf kepada umat Islam di Terengganu. Kejayaan sistem ini menarik masyarakat mendalami ilmu-ilmu Islam sewajarnya diberi perhatian dan sanjungan oleh pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu usaha-usaha memartabatkan Islam lewat sistem pengajian tradisional perlu dipergiatkan lagi. Maka dengan itu beberapa cadangan berkaitan dengan pengajian tasawuf, pemodenan fizikal institusi pendidikan tradisional, dan pemartabatan kitab-kitab jawi akan dibuat dalam subbab ini.

6.3.1 Pengajian Ilmu Tasawuf

Memandangkan pengajian tasawuf semakin tidak diambil berat oleh masyarakat Islam seperti yang dinyatakan dalam bab 4.8 walaupun ia diakui penting dan dapat membentuk sahsiah diri dan memajukan masyarakat dan negara, seperti yang disebut dalam bab 4.7, maka langkah-langkah tertentu perlu diambil oleh pihak berwajib. Adalah dicadangkan agar :

- a. Pengajian tasawuf disebarluaskan ke dalam masyarakat lewat media massa sama ada media cetak mahupun media elektronik. Dalam hal ini usaha pihak

Radio Malaysia Terengganu (RMT) patut diberi pujian kerana kembali memuatkan pengajian tasawuf sebagai salah satu daripada ilmu fardu 'ain yang dipelajari di radio tersebut. Usaha ini boleh dijadikan contoh kepada media elektronik lain, terutama televisyen bagi membantu menyebarkan fahaman tasawuf yang benar dan tepat kepada masyarakat. Selain itu media sepatutnya tidak hanya mendedahkan penyelewengan yang dilakukan atas nama tasawuf dan tarekat, tetapi membetulkan pandangan masyarakat terhadap ilmu ini. Dengan itu pemahaman yang sebenar terhadap ilmu tersebut akan dapat dicapai selain daripada ia dapat mengelakkan semakin ramai orang terpedaya dengan ajaran songsang yang memperalatkan nama tasawuf dan tarekat.

- b. Menjadikan ilmu tasawuf sebagai salah satu subjek dalam sistem pendidikan nasional. Mata pelajaran tasawuf seeloknya dimulakan sejak dari sekolah rendah dengan pengenalan kepada aspek akhlak dan diperkemas dengan ilmu tasawuf yang asas dan lebih sistematik di peringkat menengah atas. Bagi aliran agama kebangsaan pula mata pelajaran tasawuf di peringkat menengah tinggi hendaklah diperkemas dengan mengenali sejarah ilmu tasawuf, aliran, dan isu-isu yang sering menjadi perdebatan hangat masyarakat dan penyelesaiannya. Sukatan pelajaran yang hanya menggambarkan kesalahan dan kesesatan "tasawuf" seperti yang berlaku kini dalam mata pelajaran tauhid di peringkat menengah tinggi perlu dinilai kembali dengan memberi persepsi yang betul dalam ilmu itu. Dengan itu tidak timbul lagilah salah faham dan pandangan serong masyarakat termasuk mereka yang berpendidikan agama terhadap tasawuf.

6.3.2 Pembangunan Fizikal dan Kurikulum Pendidikan Tradisional

Sistem pendidikan tradisional sehingga kini masih berjalan dengan baik hingga ke hari ini. Pendidikan tradisional memberi sumbangan yang tidak sedikit kepada pemahaman Islam yang sebenar, khususnya tasawuf kepada masyarakat awam. Bagi menjamin kelangsungan pendidikan tradisional berjalan dan bertahan dengan lebih baik, maka dicadangkan:

- a. Sistem pengajian pondok hendaklah mengekalkan kurikulum, kaedah pengajaran dan pemelajaran, dan teks seperti yang wujud kini. Akan tetapi pihak kerajaan melalui pihak berkuasa agama seperti jabatan agama atau majlis agama negeri masing-masing hendaklah membangunkan prasarana pendidikan pondok ini agar lebih baik dari segi infrastrukturnya. Pondok-pondok yang lebih selesa dengan menggunakan bahan binaan yang lebih baik (tidak hanya papan dari jenis yang kurang baik seperti hari ini) hendaklah dibina. Pondok pula hendaklah didirikan secara lebih tersusun dengan bilangan penuntut bagi setiap pondok dihadkan sesuai dengan keluasan pondok. Prasarana dari segi kemudahan elektrik dan air juga perlu diberi perhatian berat agar kehidupan para penuntut ini lebih terurus. Ini bagi menggalakkan perkembangan pelajar yang lebih baik dan selesa yang akhirnya akan membantu mereka lebih baik dalam mencapai kemajuan dalam pendidikan masing-masing. Dalam hal ini konsep “pondok moden” yang diperkenalkan oleh Yayasan Islam Terengganu (YIT) di Kuala Berang dan Kemaman boleh dijadikan contoh.
- b. Kerajaan juga boleh menggalakkan pertumbuhan sistem pendidikan pondok yang lebih sistematik melalui satu pengurusan berpusat. Ia tidak bermaksud

kerajaan mengawal atau menentukan sukatan pelajaran mereka tetapi menguruskan kurikulumnya secara umum. Begitu juga dari segi pentadbiran perlu dilakukan dengan lebih baik dengan kewujudan pengurusan berpusat ini. Kewujudan pengurusan seperti yang dilakukan oleh kerajaan Kelantan iaitu pengurusan pondok bersepadu mungkin boleh dijadikan model. Dengan itu kewujudan sistem pondok akan lebih tersusun dan bertahan lama untuk mengeluarkan “ustaz muda” yang lebih ramai dan berkualiti.

- c. Sistem terbuka yang wujud di serata ceruk negara perlu digalakkan lagi. Dengan itu para pengajar yang berpengalaman dan berkeupayaan dalam bidang masing-masing perlu dihantar. Dalam kes sistem surau persendirian pula kerajaan hendaklah tidak mengongkong mereka dengan tauliah jabatan agama. Namun bagi mengelakkan penyelewengan pemantauan berterusan hendaklah dilakukan oleh jabatan berkenaan. Ini bagi mengelakkan pandangan songsang seperti ajaran Ayah Pin di Hulu Besut yang menggunakan nama “ilmu hakikat” untuk menyesatkan masyarakat Islam.
- d. Pendidikan mesti dimulakan sejak usia muda lagi. Kewujudan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) penting untuk menyediakan mereka dengan asas agama dan bahasa Arab yang mantap. Lantaran itu langkah kerajaan menarik balik bantuan perkapita kepada SAR baru-baru ini amatlah tidak tepat. Maka dicadangkan pihak kerajaan bukan sahaja meneruskan bantuan kewangan kepada SAR, bahkan menambah jumlah bantuan tersebut agar SAR setanding dengan sekolah-sekolah kebangsaan. Sementara itu lembaga pengelola SAR wajar berbincang dengan pihak kerajaan untuk menyeragamkan kurikulum pendidikan mereka di seluruh negara. Dengan itu prestasi mereka dapat dipantau dengan sewajarnya oleh pihak kerajaan.

Kurikulum ini walau bagaimanapun, seperti dalam cadangan (a) di atas perlu lebih tinggi daripada apa yang diajar di sekolah-sekolah kebangsaan (termasuk sekolah kebangsaan agama).

6.3.3 Memperkasakan Kitab Jawi

Seperti yang telah ditunjukkan dalam kajian ini, kitab jawi mendapat kepercayaan yang tinggi di kalangan para responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan jantina. Kepercayaan mereka terhadap kitab jawi tidak seharusnya diperlekeh dengan mendedahkan “kononnya” wujud ajaran sesat dalam kitab – kitab tersebut tanpa hujah dan dalil yang tepat. Bahkan penggunaan kitab jawi wajar digalakkan lagi. Untuk menggalakkan penggunaan kitab warisan ulama terdahulu ini adalah dicadangkan agar:

- a. Semua pihak terutama pihak berkuasa perlu menggalakkan penyebaran dan penggunaan kitab jawi. Pihak berkuasa boleh menggalakkan kitab-kitab ini digunakan sebagai teks pengajaran terutama bagi guru-guru agama yang mengajar di masjid dan surau di seluruh negara. Berkaitan dengan perkara ini langkah yang diambil oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan menyenaraikan kitab-kitab jawi sebagai teks utama pengajian kepada semua pendakwah atau mubaligh yang mendapat bantuan daripada kedua-dua organisasi ini amat sesuai dicontohi. Malah dengan penglibatan Pejabat Mufti sendiri kelangsungan hidup kitab jawi pasti akan lebih terjamin.
- b. Pihak penerbit perlu berusaha menerbitkan manuskrip kitab jawi dalam bentuk yang lebih baik berbanding sekarang. Mutu kertas dan tulisan perlu

dipertingkatkan. Berkaitan dengan tulisan, disyorkan sistem ejaan jawi yang terbaharu (Sistem Ejaan Jawi yang Disempurnakan) digunakan. Ia bagi memudahkan masyarakat awam dari kalangan generasi muda lebih mudah membacanya. Manuskrip yang belum pernah diterbitkan atau digunakan secara terhad tetapi mempunyai nilai keilmuan yang tinggi wajar diterbitkan semula dengan ciri-ciri yang baik seperti yang dinyatakan tadi. Usaha menerbitkan kitab jawi perlu dilakukan secara serius. Dalam hal ini kerajaan boleh memainkan peranan penting dengan menubuhkan sebuah yayasan yang berfungsi menerbitkan bahan bacaan agama ini dengan ciri-ciri penerbitan berkualiti seperti yang disyorkan. Untuk merealisasikan usaha ini, pihak berkenaan mungkin boleh melihat fungsi dan peranan Yayasan Karyawan sebagai contoh dan model bagi menjamin keberkesannya.

- c. Pihak sarjana dalam bidang agama dan filologi perlu saling bekerjasama memasyarakatkan kitab jawi. Caranya sudah pasti dengan mewujudkan perkongsian pintar antara mereka. Oleh sebab kitab jawi tidak berdiri atas satu teks sahaja, maka bantuan kepakaran ilmu filologi diperlukan bagi mengesan naskhah tersebut dan dibuat perbandingan dengan naskhah lain, jika ada. Pakar agama pula seharusnya dapat menghuraikan aspek keagamaan itu dengan menjelaskan kandungan tersebut dalam bentuk yang lebih mudah. Maka dengan cara mentransliterasikan manuskrip-manuskrip dan kitab-kitab jawi ditambah pula dengan komentar berguna daripada pakar agama maka sudah tentu karya-karya agung ilmuan Muslim di rantau ini tidak lagi terperuk di kalangan generasi tua dan sejumlah kecil masyarakat sahaja. Ia juga menjamin kepopularan sesebuah kitab tersebut.

- d. Satu perkara yang menarik berkenaan kitab jawi ialah ‘keanjalannya’. Dalam kitab-kitab jawi, pada penghujung kitab atau pada awalnya telah dicatatkan tujuan penulisan kitab tersebut semata-mata mencapai keredaan Allah. Maka dengan itu, kata pengarangnya, jika terdapat kesilapan atau kekurangan maka mohon supaya diperbaiki dan bukan ‘dimalukan’. Dengan mengambil iktibar daripada kebenaran tersebut maka seharusnya para pengkaji moden, jika menemui sebarang kesilapan dan keceleaan pada isi kandungan kitab tersebut membetulkan kesilapan itu, dan bukannya berusaha memusnahkan keseluruhan kitab jawi seperti yang dilakukan sesetengah pihak sejak akhir-akhir ini. Untuk mencapai hasrat tersebut pihak penerbit seharusnya berganding bahu dengan para ilmuan Islam semasa untuk memastikan ketepatan isi kandungan kitab-kitab tersebut seperti yang dilakukan oleh para pentashih zaman silam untuk Khalifah Uthamāniyyah Turki.

Saya percaya dengan mengambil pendekatan yang realistik, sistematik, dan bersepadu usaha mengangkat pendidikan Islam tradisional, khususnya ilmu tasawuf dan kitab-kitab jawi akan berjaya. Kejayaan itu bermakna kejayaan menjadikan masyarakat Muslim hari ini lebih baik keperibadiannya. Keperibadian yang baik akan membawa kepada kemakmuran masyarakat dan seterusnya menjamin kemajuan negara dan keberkatan hidup. Dengan itu usaha merekonstruksi tamadun Melayu Islam di Malaysia berteraskan masyarakat madani yang mengambil kira masyarakat dan individu yang *muhsin* akan tercapai, Insya Allah!⁴

Wa 'l-Lāhu a'lam!

وما توفيقي الا بالله

NOTA BAB

¹ Lih. Muhammad Abu Bakar, 1991.*op.cit.*, bab Pengenalan

² Lih. Shafie Abu Bakar, 1991.*op.cit.*, hlm.191

³ Lih. Muhammad 'Uthman al-Muhammadi, 1996. "Islam dan Kosmologi". Kertas kerja dalam *Seminar Seni dan Kosmologi : Kosmologi Islam dalam Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur, 1-2 Oktober 1996, hlm. 20 - 39.

⁴ Lih. Hashim Musa, 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya untuk huraian dan penjelasan tentang pembentukan "tamadun Melayu Islam".